

# Kerajaan persiap sektor aeroangkasa

» AAC, latih tenaga mahir penuhi keperluan industri

**K**erajaan sudah mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu berkaitan industri aeroangkasa, seperti merapatkan jurang antara input akademik institusi pendidikan dengan kehendak industri.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud, berkata usaha itu termasuk penubuhan Asia Aerospace City (AAC) diterajui M-AeroTech Sdn Bhd.

## Sasar sumbangan RM1.1 bilion

“AAC menyasar sumbangan Keluaran Negara Kasar (GNI) RM1.1 bilion dan RM1.16 bilion pelaburan yang menjurus kepada pewujudan 3,368 pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang 2020.

“Beberapa institusi sudah mullaikan aktiviti latihan berkaitan aeroangkasa bagi menyediakan sokongan langsung kepada industri itu dengan membekalkan latihan yang diperlukan serta pekerja mahir.

“Ini termasuk UniKL, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia, yang menyediakan kursus berkaitan pada peringkat diploma dan ijazah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada forum MIDA mengenai industri itu sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA ‘15), di Langkawi, semalam.

Katanya, Malaysia mengeluarkan pekerja mahir untuk keperluan rantau ini menerusi lebih 300 jurutera setahun dan lebih 2,000 separa profesional.

Azman berkata, 56 penyedia pendidikan dan latihan terbabit dalam sektor aeroangkasa.

“Penyedia pendidikan dan latihan ini perlu meningkatkan program ijazah pertama masing-masing dengan menyelaraskannya dengan teknologi dan trend terkini industri serta memudahkan program kerjasama untuk penempatan kerja dengan pantas.

Beliau berkata, walaupun MIDA dapat mengenal pasti permintaan lebih awal, platform perkongsian perlu diwujudkan dengan pihak pembekal, agensi dan institusi berkaitan.

**BERNAMA**